

BERITA HARIAN, SABTU, 31 OKTOBER, 1981

PM jelaskan tentang elaun, kemudahan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Elaun dan kemudahan yang diberikan kepada Perdana Menteri, timbalannya, menteri dan timbalannya serta setiausaha parlimen, pada prinsipnya, tidak berbeza dengan elaun dan kemudahan pegawai tinggi kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat hari ini, jenis elaun dan kemudahan berkenaan adalah selaras dengan tanggungjawab dan tugas mereka.

Menjawab soalan Encik P. Patto (DAP Menglembu), Perdana Menteri berkata, selain dari gaji dan elaun yang termaktub dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri diperuntukkan dengan elaun dan kemudahan lain.